

► MUHAMMAD IYLIA KAMSANI

Hari ini kita sering mendengar tentang globalisasi.

Secara tidak sedar, kita dibawa arus-nya, mempengaruhi budaya, pemikiran, falsafah, seni dan gaya hidup dari seantero dunia.

Integrasi juga asimilasi budaya dan kemajuan teknologi mendorong lagi pembangunan silang idea, menghasilkan keadaan global yang pelbagai.

Aliran pemikiran dan gaya hidup berkembang melalui pendedahan kepada bermacam-macam perspektif sekaligus mencabar norma-norma tempatan.

Walaupun globalisasi memupuk semangat inovasi dan kesalinghubungan, ia juga menimbulkan kebingungan mengenai penghomogenan budaya iaitu apabila budaya berbeza berubah menjadi serupa, dan penghakisan tradisi tempatan.

Mengimbangi faedah dan cabaran adalah penting dalam mengemudi kesan-kesannya yang kompleks ke atas dunia kita.

Salah satu daripada kesannya ialah kosmopolitanisme iaitu suatu falsafah yang menyokong sikap dan pendekatan tertentu terhadap dunia yang saling berkaitan ini – yang menghargai kepelbagaian, keterangkuman dan rasa kewarganegaraan global yang dikongsi bersama.

Bentuk seni tradisional juga tidak terlepas daripada ekspresi kontemporari dan kosmopolitan.

Esei ini akan membincangkan bagaimana seni tradisional Melayu, dikir barat (dikir) mampu menjadi penghubung sosial dan budaya bagi mendepani arus kosmopolitanisme lebih-lebih lagi dalam lingkungan masyarakat di Singapura yang bersifat majmuk.

#### BAHASA DIKIR BARAT SINGAPURA

Terdapat banyak perbincangan tentang asal usul dikir barat.

Ada yang mengatakan ia berasal dari Kelantan, ada pula mengatakan bahawa ia dibawa masuk dari selatan Siam.

Perbincangan sebegini sihat untuk meneliti sejarah, tetapi tidak harus ditujukan kepada perihal pemilihan budaya semata-mata.

Ini kerana ia boleh menjurus kepada sifat eksklusivisme atau pemisah, yang sama sekali tidak membawa sembarang manfaat darilah kemaslahatan masyarakat.

Sebaiknya, perkembangan dikir barat itu harus mengambil kira persekitaran fizikal atau sosial tempat-tempat yang sudah dijejaki.

Setiap tempat itu mempunyai bahasanya sendiri, yang dipengaruhi sosial dan politik yang berbeza-beza.

Yakni persoalan bahasa tidak boleh dipisahkan dengan persoalan budaya dan tidak boleh dilihat sekadar alat untuk berkomunikasi.

Di Kelantan, misalnya, seni dikir itu sudah menjadi darah daging segenap masyarakatnya sehingga menjadi sebahagian besar daripada cara kehidupan mereka.

Sudah terbangun kebudayaan dan sejarahnya yang tersendiri.

Pembelajaran budaya Kelantan tak mungkin tuntas tanpa menghiraukan seni dikir di samping seni lain seperti wayang kulit, makyung dan main puteri.

Seni dikir merangkumi nilai moral, etika dan estetika, kerohanian, dan melaluinya, penggiat serta pengemam melihat keperibadian dan kedudukan mereka di dunia.

Apabila dikir diserap masuk ke Singapura, coraknya berubah.

Pola bahasanya berganti sesuai dengan kebudayaan masyarakat di sini.

Sebagai contoh, dikir Singapura memperkenalkan malah menitikberatkan bahasa penulisan dalam persembahan.

Ini berbeza di Kelantan yang masih menekankan persembahan secara spontan dengan bahasa lisan.

Pembaharuan ini terjadi kerana kebanyakan para perintis dan elit budaya dikir Singapura merupakan guru bahasa Melayu yang tertidik dalam bidang sas-

# Dikir barat S'pura: Telusuri tradisi di tengah dunia kosmopolitan

Seni tradisional Melayu ini mampu jadi penghubung sosial, budaya dalam masyarakat majmuk S'pura



Dikir barat apabila diserap masuk ke Singapura, pola bahasanya berganti sesuai dengan kebudayaan masyarakat di sini dengan menitikberatkan bahasa penulisan dalam persembahan. – Foto MHC

tera. Kedua-dua bentuk sastra, klasik dan moden, dimanfaatkan terutama sekali dalam pertandingan yang mempunyai komponen untuk seni kata.

Ini merancakkan lagi penguasaan bahasa dan penulisan kreatif dalam kalangan penggiat.

Pada masa yang sama, penonton juga terdedah dengan mutu bahasa dan pemikiran yang lebih kritis yang selari dengan isu tempatan.

Synerginya, masih ada sesetengah pihak yang sentiasa memperkecilkan pembaharuan ini atas sebab ia menyimpang daripada 'keaslian' seni dikir yang kononnya menggunakan bahasa yang lebih mudah difahami.

Pemerhatian sebegini bersifat tidak

menghiraukan akan politik, sejarah dan antiintelektual.

Ia juga membelakangkan hakikat masyarakat yang telah melalui pembangunan, pemodenan dan perubahan secara pesat.

Perbincangan dan pelestarian seni dikir di Singapura, seperti seni warisan yang lain, harus beralih daripada perihal keaslian semata-mata.

Ini pemikiran penulis dikir Singapura menjadi saksi.

Pemikiran mereka meliputi persoalan reformasi identiti, semangat kemajuan, dan etika kemusiaan sejagat.

Namun, rata-rata ini jarang diketemukan dalam persembahan dikir di Kelantan yang masih bergelut dengan retorik agama, bibit-bibit feudalisme, mahu-

kan 'krisis' etiket Melayu.

Bahasa dikir Singapura semakin berganjak daripada kepercayaan atau teori yang diterima umum seperti di Kelantan.

#### NILAI KREATIF DIKIR BARAT SINGAPURA

Sebagai seni Melayu yang lain, perjalanan dikir Singapura juga tidak terlepas daripada inovasi.

Dari segi gerak tari, susunan muzik, alunan suara, repertoire lagu, pakaian busana dan pementasannya, tidak keterlahuan untuk menyatakan bahawa dikir di Singapura lebih terbuka kepada perubahan.

Sebagai contoh, lagu dikir Singapura memadamkan bunyi tradisional seperti

zapun, asli, dan joget dengan korpus muzik yang lebih luas seperti jaz Afrika, reggae dan pop.

Penggiat di sini sentiasa mencuba mengedepankan kreativiti mereka untuk mengubah lagu yang asli, berlainan, serta menggugah minda.

Daya kreatif mereka dalam menerapkan unsur asing mesti dilihat sebagai satu iktikar untuk mencari takrifan kebudayaan yang sesuai dengan zaman dan cara meraih pemerikasaan sosial dalam kalangan masyarakat mereka.

Ini dapat dicapai jika penekanan terhadap perihal etiket serta estetik yang menghalu kepada persoalan kemanusiaan yang lebih besar.

Ini haruslah menjadi perjuangan uta-

ma para penggiat dikir Singapura.

Sejak 1980, perkembangan yang dilalui dikir barat di Singapura boleh disebut sebagai suatu proses pemodenan ke arah kesejagatan tulen.

Malah, dikir Singapura menjadi cerminan terbaik bagaimana sebuah kebudayaan itu menjadi moden tanpa melanggar tradisi.

Etosnya sudah banyak dipengaruhi oleh gaya hidup bandar.

Sebagai contoh, di Kelantan sesuatu persembahan boleh meleret berjam-jam sampai ke lewat pagi, sebaliknya, ini tidak berlaku di Singapura kerana batasan-batas tertentu.

Mujurlah ini tidak langsung menghambat pernyataan serta kemeriahan persembahan dikir Singapura.

Ia menunjukkan medan dikir di sini memang menggalakkan pengiatnya untuk sentiasa menggali dan menyelami serta mencipta kembali dari waktu silam kita, dan daripada sumber kebudayaan kita yang lama itu.

Ini mesti dilaksanakan dengan penyesuaian daya kreatif demi mencari jawapan atas pertanyaan pokok mengenai manusia dan masyarakatnya.

Tanpa daya kreatif, kebudayaan tersebut akan beku dan tidak akan berkembang.

Hanya dengan penciptaan, ia dapat berkembang mekar dan melawan kematian.

Justeru, pemodenan bukan bererti menentang tradisi.

Ia merupakan kesinambungan usaha terhadap elemen dan pengaruh tradisi, bahkan mesti dibina di atasnya.

#### PENCARIAN KERELEVANAN SERTA HARAPAN

Akhir sekali, dalam dunia global pada hari ini, budaya tempatan akan terdedah kepada pelbagai unsur luar.

Dikir Singapura merupakan salah satu contoh yang menjadi cerminan hakikat ini.

Baik buruknya pendedahan sebegini bergantung kepada keupayaan serta tanggapan para penggiat, terutama golongan pemimpinnya, untuk menjaga satu bahasa yang baru – yang celik sejarah, celik politik, celik moral, dan mantap intelektualnya.

Ini mesti dilakukan supaya ia mampu menarik minat generasi seterusnya yang akan menjadi pelapis.

Pelapis inilah yang mempunyai tanggungjawab sosial.

Seyogya diingat, pencarian kerelevanan dikir Singapura tidak semestinya meninggalkan nilai tradisi mahupun menepati pengaruh dari Barat sahaja.

Pemodenan bukan bererti pembarratan.

Namun satu sikap intelektual selalu sedia memikirkan ulang tradisi dengan serius demi mencari penambahbaikan, pembangunan dan pemerikasaan sosial, supaya kehadiran dikir Singapura dalam sejarah lebih bermakna.

Dalam keadaan sentiasa ditakut-takutkan dengan soal pemencaran seni, para pejuang dikir Singapura mesti berdiri berani.

Ke hadapan, wacana dikir barat di Singapura harus dibuka luas melangkaui aspek hiburan dan persembahan.

Adalah diharapkan bahasa dan kreativiti dikir Singapura inilah yang menjadi obor dalam menelusuri tradisi di tengah jagat kosmopolitan.

► Penulis ialah penggiat dikir barat dan pencinta sastra dan kini sedang melanjutkan pengajian dalam program Sarjana Pengajian Melayu di Universiti Nasional Singapura (NUS). Planktikannya sebagai Sahabat Sastra oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) pada 2021, telah membuka pelbagai pintu untuk mendalami ilmu sastra di Singapura dan di luar negara. Antaranya, beliau sudah membuat penyampaian bagi program bahasa dan kesusasteraan tempatan, dan telah mewakili MBMS dan Singapura dalam peringkat nantau untuk forum dan seminar bagi Majlis Sastra Asia Tenggara (Mastera).